

KESEDARAN ARKITEK TERHADAP LIABILITI PROFESIONAL DALAM
PEMBINAAN

FARHAZLIZA HAZIE ABU HARI

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah
Sarjana Kejuruteraan (Pengurusan Pembinaan)

Sekolah Kejuruteraan Awam
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2019

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNya serta selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w kerana saya dapat menyempurnakan laporan projek sarjana ini dan membolehkan saya untuk menyempurnakan pengajian di peringkat Sarjana.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia Projek Sarjana, PM Dr. Aminah Md. Yusof yang sentiasa memberi bimbingan, dorongan, nasihat dan sokongan kepada saya sepanjang tempoh penyiapan laporan akhir ini.

Kepada semua rakan seperjuangan Pesisir Ipoh, terima kasih di atas semua bantuan kalian.

ABSTRAK

Kajian menunjukkan peningkatan pelanggaran tugas professional di kalangan arkitek dan arkitek professional. Kecuaian dan kegagalan melaksanakan tugas dengan wajarnya sebagaimana yang diputuskan mahkamah telah mendorong kajian ini dibuat. Tujuan kajian adalah untuk melihat apakah arkitek yang memahami tugas yang perlu dilaksanakan dan mengetahui implikasi pelanggaran kewajipan ini. Kajian literatur telah membincangkan cabang Undang-undang Tort yang berkaitan dengan praktis pembinaan. Tort kecuaiian telah menjadi fokus kepada kajian ini di mana analisis sepuluh kes berkaitan hal ini telah dijalankan. Kajian mendapati kegagalan melaksanakan tugas seperti kesilapan berkaitan isu kegagalan menasihati klien, kegagalan dalam penyediaan kos awalan, pelepasan tugas arkitek sebagaimana yang ditetapkan statut dan kod amalan telah menyebabkan arkitek dikenakan tindakan seperti denda malah digantung atau dibatalkan pendaftaran professional. Analisis kajian arkitek professional seramai 61 orang menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan arkitek berkaitan liabiliti undang-undang berbeza mengikut pengalaman, latarbelakang pendidikan dan bidang tugas. Professional yang berpengalaman mempunyai kesedaran dan pengetahuan tinggi dalam liabiliti undang-undang berbanding mereka yang kurang berpengalaman.

ABSTRACT

Studies show that there are increasing violations of professional duties among architects and professional architects. Negligence and failure by the parties to duly perform the duties regulated by the court have instigated this review. The purpose of this study is to examine the comprehension level of architects on the task to be performed and their awareness on the implications of any breach of conduct. Literature review has discussed the branches of Tort Law related to construction practice. Tort negligence was made the focus of this study in which analysis were conducted on ten cases related to the topic. Studies have found that failure to perform tasks such as; failure to advise clients, failure to provide preliminary costs, and failure to discharge architects as prescribed by statute and code of practice have caused architects to be taken actions such as fines and to the extent of suspension or having their professional registration revoked. A survey on 61 professional architects found that the level of awareness and the depth of knowledge of architects on legal liabilities varies according to their experience in construction practice, educational background, and field of work. Experienced professional proved to have better knowledge and understanding on the legal liabilities compared to those with less experience.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat Dan Objektif	7
	1.4 Skop Kajian	7
	1.5 Metodologi Kajian	8
	1.6 Struktur Kandungan Laporan	10
BAB 2	TUGAS, TANGGUNGJAWAB DAN LIABILITI ARKITEK PROFESIONAL DALAM PRAKTIS PEMBINAAN	13
	2.1 Pengenalan	13
	2.2 Definisi Arkitek	13
	2.3 Arkitek Profesional	15
	2.4 Tugas Arkitek Profesional	16
	2.4.1 Syarat Penglibatan LAM	16
	2.4.2 Hak dan Obligasi (<i>Obligations</i>)	22
	2.5 Peranan Profesional Arkitek	23

2.6	Pelantikan Arkitek - Terma-terma Kontrak	24
2.7	Pembahagian Peranan Arkitek	32
2.7.1	Arkitek Sebagai Ejen Pihak Klien/Pelanggan	33
2.7.1.1	Tugas Arkitek sebagai Perunding Rekabentuk	36
2.7.1.2	Pembahagian Tugas Reka Bentuk	39
2.7.1.3	Tugas Arkitek sebagai Orang Utama yang Mengemukakan (PSP)	40
2.7.2	Arkitek Sebagai Pentadbir Kontrak	43
2.8	Liabiliti –liabiliti Profesional Dalam Praktis Pembinaan	44
2.8.1	Liabiliti Arkitek Profesional	45
2.8.2	Liabiliti Arkitek Profesional Dalam Praktis Pembinaan	47
2.8.2.1	Liabiliti Profesional Di Bawah Kontrak	48
2.8.2.2	Liabiliti Statutori	50
2.8.2.3	Liabiliti Tort	51
2.8.2.4	Ciri-ciri Liabiliti Tort Arkitek	52
2.9	Rumusan	53
BAB 3	KECUAIAN DAN KECUAIAN PROFESIONAL	55
3.1	Pengenalan	55
3.2	Tort	56
3.2.1	Pencerobohan	58
3.2.1.1	Pencerobohan Yang Berlaku Dalam Projek Pembinaan	59
3.2.2	Kacauganggu	60
3.2.3	Prinsip Tanggungan Tegas	63
3.2.4	Kecuaian (<i>Tort of Negligence</i>)	63
3.3	Tuntutan Tort	64
3.4	Elemen-elemen Kecuaian	68
3.4.1	Kewajipan Berhati-hati (<i>Duty of Care</i>)	69
3.4.2	Pralihat Munasabah (<i>Reasonable Foreseeability</i>)	70

3.4.3	Berdekatan (<i>Proximity</i>)	71
3.4.4	Keadilan dan kemunasabahan (<i>Justice and reasonableness</i>)	71
3.4.5	Pelanggaran terhadap kewajipan (<i>Breach of Duty</i>)	72
3.4.6	Penyebab Kerosakan (<i>Factual Causation</i>)	72
3.4.7	Kerosakan (<i>Damage</i>)	73
3.4.8	Ujian 'Jika Tidak' (<i>The 'But For' Test</i>)	74
3.4.9	Terpencil (Remoteness)	74
3.4.9.1	Ujian Langsung (The direct consequence test)	75
3.4.9.2	Ujian Pralihat Munasabah (The reasonable foreseeability Test)	75
3.5	Kecuaian Profesional	76
3.5.1	Prinsip Dalam Kecuaian Profesional	76
3.5.2	Kecuaian Arkitek Profesional Umum di Dalam Pembinaan	77
3.6	Rumusan	79
BAB 4	PENGUMPULAN DATA DAN ANALISIS AWAL	81
4.1	Pengenalan	81
4.2	Pengumpulan Data	81
4.2.1	Kajian Kes	82
4.2.2	Kaji Selidik	82
4.3	Analisis Awal	87
4.3.1	Analisis Kajian Kes	87
4.3.2	Analisis Kaji Selidik	87
4.4	Rumusan	90
BAB 5	ANALISIS KES KECUAIAN ARKITEK	91
5.1	Pengenalan	91
5.2	Analisis Kajian Kes	93
5.2.1	Tanggungjawab Arkitek Sebagai Arkitek Dan Pengurus Projek	93

5.2.2	Arkitek Bertanggungjawab Di Atas Kewajiban Berhati-hati	97
5.2.3	Pelanggaran dan Kecuaian Arkitek Dalam Pelaksanaan Kontrak	100
5.2.4	Mengikut Kontrak Berdasarkan Bajet Yang Diperuntukkan	103
5.2.5	Pelepasan Tugas Arkitek Berikutan Pelantikan Arkitek Lain Oleh Klien Sendiri	108
5.2.6	Tugas Arkitek Untuk Merekabentuk, Membuat Pantauan Dan Pemeriksaan Di Tapak Projek	111
5.2.7	Liabiliti Arkitek Bagi Kerugian Ekonomi Tulen Kesan Daripada Kecuaiannya Sendiri	116
5.2.8	Tugas Arkitek Untuk Memberi Amaran Kepada Klien Mengenai Hak Pemilik Tanah Bersama	121
5.2.9	Tugas Arkitek Menyediakan Pelan, Lukisan dan Informasi Yang Diperlukan Kepada Kontraktor	123
5.2.10	Tugas Arkitek Menyediakan Anggaran Awalan Bagi Kos Pembinaan Yang Seimbang dengan Peruntukan Klien	126
5.3	Rumusan	132
BAB 6	ANALISIS DAN PERBINCANGAN	135
6.1	Pengenalan	135
6.2	Pengetahuan Mengenai Tort Dalam Praktis Pembinaan	135
6.2.1	Tahap Pengetahuan Responden Mengenai Undang-undang	136
6.3	Analisis Jenis-jenis Tort	138
6.4	Tahap Pengetahuan Responden Jenis-jenis Tort	139
6.5	Tahap Pengetahuan Responden Jenis-jenis Tort Mengikut Pengalaman	140
6.5.1	Analisis Tort Pencerobohan	141
6.5.2	Analisis Tort Kacau Ganggu	143
6.5.3	Analisis Tort Tanggungan Tegas	144
6.5.4	Analisis Tort Kecuaian	145
6.6	Tahap Persetujuan Responden Mengenai Kontrak	147

6.7	Tahap Pemahaman Terhadap Hak, Obligasi Dan Tanggungjawab	148
6.8	Rumusan	151
BAB 7	DAPATAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	153
7.1	Pengenalan	153
7.2	Rumusan	153
7.2.1	Dapatan Pertama	154
7.2.2	Dapatan Kedua	155
7.2.3	Dapatan Ketiga	156
7.2.4	Dapatan Keempat	158
7.3	Kesimpulan	158
7.4	Cadangan & Penambahbaikan	159
RUJUKAN		161

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Peranan dan Tanggungjawab Arkitek Sebagai PSP	42
Jadual 4. 1	Taburan Firma/Organisasi Responden	86
Jadual 4. 2	Taburan Profil Responden	88
Jadual 5. 1	Senarai Kes Mahkamah Yang Melibatkan Liabiliti Arkitek	91
Jadual 6. 1	Taburan Responden Mempunyai Pengetahuan Mengenai Undang-undang Mengikut Institusi Pengajian	136

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1. 1	Ringkasan Methodologi Kajian	10
Rajah 2. 1	Perkhidmatan Tambahan Arkitek	20
Rajah 2. 2	Peranan Arkitek mengikut Akta Arkitek 1967 (Akta 117)	23
Rajah 2. 3	Kewajipan Arkitek	25
Rajah 2. 4	Kepakaran Arkitek Profesional	31
Rajah 2. 5	Pembahagian Peranan Arkitek	32
Rajah 2. 6	Fasa-fasa Pelaksanaan Projek	34
Rajah 2. 7	Liabiliti-liabiliti Di Dalam Praktis Pembinaan	45
Rajah 2. 8	Liabiliti Dalam Segi Undang-undang	47
Rajah 3. 1	Tort Di Dalam Paktis Pembinaan	56
Rajah 3. 2	Konsep Tuntutan Tort	65
Rajah 3. 3	Elemen-elemen Kecuaian	68
Rajah 5. 1	Keputusan Mahkamah Kes 01	93
Rajah 5. 2	Keputusan Mahkamah Kes 02	97
Rajah 5. 3	Keputusan Mahkamah Kes 03	100
Rajah 5. 4	Keputusan Mahkamah Kes 04	103
Rajah 5. 5	Keputusan Mahkamah Kes 05	108
Rajah 5. 6	Keputusan Mahkamah Kes 06	111
Rajah 5. 7	Keputusan Mahkamah Kes 07	116
Rajah 5. 8	Keputusan Mahkamah Kes 09	121
Rajah 5. 9	Keputusan Mahkamah Kes 09	123
Rajah 5. 10	Keputusan Mahkamah Kes 10	126
Rajah 6. 1	Taburan Responden Mengikut Undang-undang Sebahagian Daripada Silibus	137
Rajah 6. 2	Taburan Responden Tahap Pengetahuan Jenis-jenis Tort	139

Rajah 6.3	Taburan Responden Tahap Pengetahuan Arkitek Mengikut Pengalaman	140
Rajah 6.4	Taburan Responden Tahap Persetujuan Isu-isu Pencerobohan Di Tapak Bina Mengikut Bidang Kerja	142
Rajah 6.5	Taburan Responden Tahap Persetujuan Tort Kacau Ganggu Mengikut Bidang Kerja	143
Rajah 6.6	Taburan Responden Tahap Persetujuan Tort Tanggungan Tegas Mengikut Bidang Kerja	145
Rajah 6.7	Taburan Responden Tahap Persetujuan Tort Kecuaian Mengikut Bidang Kerja	146
Rajah 6.8	Taburan Perbezaan Tahap Pengetahuan Tentang Liabiliti Berdasarkan Demografi Bidang Kerja	147
Rajah 6.9	Taburan Perbezaan Tahap Pengetahuan Tentang Terhadap Hak, Obligasi Dan Tanggungjawab Berdasarkan Demografi Bidang Kerja	150

SENARAI SINGKATAN

CCC	-	Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (<i>Certificate Completion and Compliance</i>)
MLJ	-	Malay Law Journal
PSP	-	Orang Utama Yang Mengemukakan (<i>Prinsipal Submitted Person</i>)
PAM	-	Persatuan Arkitek Malaysia
SPSS	-	Statistic Package for Social Science
LAM	-	Lembaga Arkitek Malaysia
UBBL	-	Undang-undang Kecil Bangunan Seragam
SBDA	-	Street Building Drainage Act
MOA	-	Memorandum of Agreement
SO	-	Pegawai Penguasa
NSC	-	<i>Nominated Subcontractor</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Soal Selidik	163
Lampiran B	Dapatan Analisis	171

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kecelakaan dalam industri pembinaan sering berlaku. Kegagalan pembinaan samaada yang telah siap mahupun yang sedang berjalan sering mendapat liputan media massa. Terbaru runtuh tanah di tapak pembinaan di Tanjung Bungah Pulau Pinang yang mengorbankan 30 nyawa menambah kepada statistik runtuh struktur dan bangunan di Malaysia. Pada 2018, dua remaja mati tertimbus dalam kejadian jambatan runtuh di Serdang, Kedah. Selain daripada itu, kejadian Highland Tower telah meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada praktis pembinaan terutamanya kepada professional yang terlibat seperti jurutera dan arkitek. Kecuaian professional dalam pembinaan seperti suatu fenomena yang makin meningkat.

Kecuaian (*negligence*) dianggap *tort* yang sering berlaku kerana kajian menunjukkan banyak kes di mahkamah membabitkan kecuaiian berbanding dengan *tort-tort* lain. Industri pembinaan dan profesion yang mempraktiskannya tidak terkecuali daripada menghadapi tuntutan kecuaiian di bawah *tort*. Sekiranya tuntutan dibuat dan pihak yang menuntut dapat membuktikan terdapat kecuaiian, semestinya ganti rugi dalam bentuk kewangan akan dikenakan kepada pihak yang dituntut atau sering dirujuk sebagai defendan. Kecuaian profesional pula ditakrifkan sebagai kecuaiian oleh professional yang tidak mengikuti piawaian dan tanggungjawab yang berpatutan.

Kecuaian pihak profesional dalam pembinaan akan menyebabkan kegagalan kepada bangunan, kerosakan kepada harta benda, kecederaan dan kehilangan nyawa. Adalah penting bagi seseorang professional di dalam sektor pembinaan untuk melakukan kerja mengikut tahap piawaian dan tanggungjawab yang berpatutan untuk

meminimalkan kebarangkalian melakukan kecuaiian. Merujuk kepada amalan umum profesion bangunan standard penjagaan yang mana seorang arkitek mesti menegakkan "penjagaan dan kemahiran yang munasabah" (*reasonable care and skill*). Walau bagaimanapun merujuk kod etika professional, seorang profesional tidak berhak bertindak secara membuta tuli tanpa mempertimbangkan perkara yang tepat yang berkaitan dengan projek di bawah penguasaannya. Seorang profesional boleh didefinisikan sebagai seorang yang kerjanya mahir dan khusus. Beliau memegang beberapa kelayakan khas yang diperolehi daripada latihan atau pengalaman dan mematuhi piawaian prestasi serta mempunyai etika kerja yang tinggi. Seseorang yang digelar sebagai profesional biasanya mempunyai atau tertakluk di bawah satu badan pengawal selia yang menetapkan peraturan amalan dan piawaian amalan yang lazim.

Secara teknikalnya, ia juga boleh merujuk kepada seseorang yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang tertentu. Kerana sifat profesional tersebut, perkhidmatan professional ini merupakan satu keperluan bagi masyarakat meletakkan kepercayaan besar kepada mereka. Ini juga menyebabkan berlakunya satu peraturan etika dan moral yang ketat di kalangan profesional.

Bingham LJ dalam kes *Eckersley melawan Binnie & Partners* (1988) menyatakan:

“A professional man should command the corpus of knowledge which forms part of the professional equipment of the ordinary member of his profession. He should not lag behind other ordinarily assiduous and intelligent members of his profession in knowledge of the new advances, discoveries and developments in his field. He should be alert to the hazards and the risk inherent in any professional task he undertakes to the extent that other ordinarily competent members of the profession would be alert. He must bring to any professional task he undertakes no less expertise, skill, and care than other ordinarily competent members would bring but need bring no more. The standard is that of the reasonable average.”

Walaupun tidak ada definisi profesion yang dipersetujui, *Australian Council of Professions (Professions Australia)* mentakrifkan profesional sebagai:

'A disciplined group of individuals who adhere to high ethical standards and uphold themselves to, and are accepted by, the public as possessing special knowledge and skills in a widely recognised, organised body of learning derived from education and training at a high level, and who are prepared to exercise this knowledge and these skills in the interest of others. Inherent in this definition is the concept that the responsibility for the welfare, health and safety of the community shall take precedence over other considerations.'

Seorang profesional dianggap mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya untuk menjalankan kerja. Penglibatan arkitek dalam sesuatu projek pembinaan tidak dapat dinafikan merupakan suatu elemen penting dan wajib bagi memastikan kelancaran perjalanan projek itu. Sama ada terlibat dalam bidang perundingan, teknikal, mahupun pengurusan, mereka terlibat secara aktif dalam setiap peringkat pembinaan, menjalankan tanggung jawab sebagai seorang terlatih dan berpengetahuan yang dalam lapangan senibina. Dari aspek undang-undang, tanggung jawab itu mewujudkan liabiliti arkitek terhadap pihak lain. Situasi ini memperlihatkan kepentingan pengetahuan tentang undang-undang di kalangan ahli-ahli profesional dalam praktis pembinaan. Pengetahuan asas mengenai undang-undang dapat melindungi mereka daripada tindakan undang-undang dan membantu mereka menjalankan tugas dengan lebih efisien. Professional dalam industri pembinaan terikat kepada tanggungjawab yang diperincikan dalam kontrak perkhidmatan dan juga tanggungjawab am sebagai professional seperti mana yang dinyatakan dalam kod etika professional masing-masing contohnya Kod Tata Kelakuan Profesional dan Kod Praktis di dalam *Architects Rules 1986 (Scale of Minimum Fees)*.

Kecuaian (*negligence*) membabitkan golongan profesional di dalam industri pembinaan seperti arkitek, jurutera, juruukur bahan, pengurus projek dan lain-lain merupakan kesalahan yang sering didengar. Dalam kes membabitkan profesion profesional, peningkatan dalam jumlah saman dan tuntutan yang perlu ditanggung juga meningkat. Peningkatan ini juga memperlihatkan walaupun bidang senibina dan bidang perundangan adalah dua bidang yang berbeza, namun begitu, latar belakang

amalan kejuruteraan sentiasa terdedah kepada pertikaian dan tuntutan serta menyumbang kepada gangguan (*nuisance*) dan kerugian (*pure economic loss*). Adakah peningkatan jumlah gantirugi ini memberi petunjuk bahawa insiden kecuaiian profesional juga turut meningkat sekaligus menunjukkan wujudnya salah laku di kalangan para golongan profesional industri pembinaan? Kecuaian profesional dalam industri pembinaan adalah satu isu atau bidang yang semakin diperkatakan. Kecuaian profesional melibatkan suatu fakta yang di dalam kontrak, rujukan pada kes terdahulu, piawaian industri dan peraturan berkanun. Adalah penting untuk memahami prinsip-prinsip dasar kecuaiian asas dan bagaimana prinsip-prinsip tersebut berlaku dan melibatkan golongan profesional pembinaan.

Pertikaian pembinaan kebanyakan menunjukkan kegagalan para arkitek profesional untuk menggunakan kemahiran dan pengetahuan yang munasabah di atas pelanggaran pada kontrak tertentu. Walau bagaimanapun pentingnya golongan profesional ini perlu bertanggungjawab terhadap pelanggaran kewajipan profesional mereka. Kecuaian profesional adalah kegagalan untuk mencapai piawaian seorang mahir yang berpengalaman dalam profesion yang relevan. Ini dikenali sebagai standard penjagaan profesional.

1.2 Penyataan Masalah

Arkitek memainkan peranan penting dalam industri pembinaan. Ia bukan sahaja bertanggung jawab dalam merekabentuk bangunan dan struktur tetapi mengambil tugas selaku Pegawai Penguasa dan Konsultan dalam projek pembinaan. Tugas ini memerlukan kepakaran dan pengalaman arkitek dalam memastikan projek bukan sahaja dalam disiapkan mengikut sasaran (masa, kos dan kualiti) tetapi juga untuk memastikan sesebuah pembinaan siap dibina dan selamat untuk digunakan. Dalam sesetengah projek, arkitek juga bertanggungjawab sebagai Orang Utama Yang Mengemukakan (*Principal Submitting Person (PSP)*) yang mengeluarkan Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate Completion and Compliance (CCC)*) adalah merujuk kepada Seksyen 70 (20) dan (21) *Street, Drainage and Building Act 1974 (Act 133)* pindaan 2007.

Arkitek Profesional merupakan profesion yang penting di dalam industri pembinaan. Merujuk kebiasaan praktis, Arkitek Professional dilantik sebagai ketua perunding (*lead consultant*) di dalam sesebuah pasukan projek pembinaan. Sehubungan dengan itu, peranan dan tanggungjawab seseorang arkitek adalah sangat penting. Merujuk PAM 2006, mana-mana majikan/klien yang melantik Arkitek Profesional untuk memberikan perkhidmatan profesionalnya, secara automatiknya Arkitek Profesional tersebut mempunyai liabiliti dan tanggungjawab profesionalnya. Liabiliti dan tanggungjawab bukan sahaja kepada kliennya malah kepada semua pihak lain yang terlibat dalam sesebuah projek. Ini termasuklah liabiliti kepada konsultan-konsultan yang dilantik secara terus di bawah pengawasan Arkitek [*directly appointed under the team of architect*] atau yang dilantik terus oleh Klien/Pelanggan sendiri.

Walaubagaimanapun Arkitek Profesional juga berpotensi melakukan kecuaiian di dalam peringkat rekabentuk dan pembinaan terhadap pihak ketiga. Boleh dikatakan bahawa kecuaiian tort ini merupakan satu pelanggaran undang-undang di dalam industri pembinaan. Sekiranya orang awam mengalami kemalangan, kecederaan peribadi, kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan bangunan yang gagal berfungsi, rosak atau berbahaya, ia merupakan kecuaiian di dalam peringkat rekabentuk ataupun pembinaan yang boleh dituntut.

Malay Law Journal (MLJ) menunjukkan semakin banyak kes sering menunjukkan kecuaiian Arkitek Profesional dalam menjalankan tugas mengikut kontrak yang mana boleh melibatkan seseorang Arkitek dipertanggungjawabkan kepada kecuaiian profesional. Dalam kes perundangan yang melibatkan liabiliti dan kecuaiian arkitek, mahkamah akan membuat penilaian sama ada sesorang arkitek tersebut telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab sepenuhnya mengikut akta yang telah ditetapkan iaitu Akta Arkitek (*Architect Act 1986*). Kecuaiian dalam melaksanakan tugasnya boleh menyebabkan arkitek bertanggungjawab kepada gangguan dan kerugian.

Merujuk kes *Loh Chiak Eong & Anor* melawan *Lok Kok Beng & Ors* , Arkitek Profesional dan rakan kongsi di dalam firma arkitek yang diketahui sebagai '*Loh & Loh Architects*', telah dituntut oleh para Plaintiff kerana kecuaiian profesional dalam menjalankan tugas-tugas mereka sebagai arkitek sebuah projek yang diketahui sebagai 'Projek Skim Bangunan Industri Ringan Bersepadu Bebas Pencemaran', sebuah projek pembangunan yang dilaksanakan oleh syarikat pemaju yang dipanggil Merger Acceptance Sdn Bhd . Kes ini telah diputuskan dengan memberikan gantirugi kepada pemaju ekoran kelewatan mendapat CFO. Arkitek telah dituduh menyebabkan kelewatan mendapatkan CFO tersebut telah mengakibatkan kerugian kerana tidak dapat menduduki bangunan industri yang dibeli untuk tujuan perniagaan. Arkitek Profesional didapati bersalah di atas kecuaiian profesional di pihak mereka. Hakim Mahkamah Tinggi mendapati Plaintiff bertanggungjawab dalam kecuaiian pada kadar 50%.

Begitu juga dengan kes RSP Architect (1992) di mana Arkitek Profesional telah disaman di atas kecuaiian pihak arkitek dalam kewajipan berhati-hati (tuntutan ganti rugi tulen) akibat kecuaiian rekabentuk dan penyeliaan di tapak. Mahkamah memutuskan kerosakan adalah berpunca daripada kegagalan arkitek dalam kemahiran dan penjagaan yang munasabah serta pelanggaran kewajipan berhati-hati telah berlaku. Justeru mahkamah membuat keputusan bahawa arkitek disabitkan cuai kerana gagal melaksanakan kemahiran dan penjagaan yang munasabah.

Sebagai Arkitek yang professional dan beretika perlulah mematuhi segala etika kerja seorang Arkitek bagi mengelakkan sebarang kecuaiian berlaku sepanjang pelaksanaan sesuatu projek. Kesalahan dan kecuaiian ini akan mendatangkan masalah atau risiko berlakunya kemalangan semasa proses pembinaan sesuatu projek.

Walaupun bagaimanapun dari masa ke masa, kes-kes tuntutan ke atas kecuaiian professional semakin kerap berlaku. Adakah ini menandakan bahawa arkitek tidak memahami liabiliti undang-undang yang sepatutnya? Apakah liabiliti yang perlu diketahui oleh arkitek? Apakah bentuk kecuaiian yang lazim berlaku dikalangan arkitek di Malaysia? Apakah peranan yang dimainkan oleh undang-undang tort

dalam sesuatu projek pembinaan dan sejauh manakah tahap kesedaran arkitek di Malaysia tentang undang-undang ini?

1.3 Matlamat Dan Objektif

Matlamat utama kajian ialah untuk mengkaji tahap kesedaran dan pengetahuan tentang liabiliti undang-undang yang ditanggung, terutamanya tort di kalangan arkitek yang terlibat dalam industri pembinaan di Malaysia. Matlamat ini dicapai melalui beberapa objektif yang dirangka seperti berikut:

- (a) Mengkaji liabiliti dan tanggungjawab arkitek yang terdapat dalam praktis pembinaan
- (b) Mengkaji jenis-jenis (bentuk) kecuaiian professional di dalam pembinaan terutamanya di Malaysia
- (c) Menganalisis kes-kes kecuaiian yang melibatkan Arkitek Profesional di Malaysia
- (d) Menganalisis kesedaran arkitek terhadap undang-undang, liabiliti-liabiliti, tanggungjawab dan kecuaiian Arkitek Profesional

1.4 Skop Kajian

Kajian ini mendalami isu tanggung jawab professional dan liabiliti bagi seorang arkitek dalam industri pembinaan di Malaysia. Peranan seorang arkitek dalam projek pembinaan dikupas secara terperinci, di mana peranan-peranan tersebut dapat menggambarkan tentang liabiliti-liabiliti yang ditanggung oleh seorang arkitek.

Skop kajian ini hanya melibatkan kes-kes kecuaiian professional yang berlaku di Malaysia dengan menganalisis undang-undang kes-kes yang diperolehi daripada Lexis Malaysia, termasuk yang *Malay Law Journal (MLJ)* termasuk *Malay Law*

Journal unreported (MLJ Unreported). Kajian ini akan mempertimbangkan journal dan artikel dari kertas seminar dan penyelidikan yang dijalankan sebelum ini.

1.5 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan kaedah yang diguna pakai dalam kajian bagi mendapatkan maklumat untuk mencapai matlamat kajian. Berikut ialah tiga kaedah yang digunakan dalam kajian ini:

i) Kajian Literatur

Peringkat ini adalah peringkat sebelum kajian lebih mendalam boleh dilakukan. Tinjauan kajian awal dilakukan untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang konsep tanggungjawab arkitek dalam kontrak pembinaan. Perbincangan dengan penyelia, pensyarah serta rakan arkitek diadakan untuk mendapatkan lebih banyak idea dan pengetahuan yang berkaitan dengan topik tersebut.

Pembacaan juga dijalankan untuk mendalami dan memahami topik utama kajian. Antara sumber yang digunakan ialah buku, jurnal-jurnal perundangan (*Malayan Law Journal* dan *Malayan Law Journal unreported*), majalah dan kertas kerja seminar. Selain itu, rujukan turut dilakukan di laman web rasmi organisasi-organisasi guaman untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan mengenai undang-undang pembinaan.

ii) Pengumpulan Data

Di peringkat ini, aktiviti menganalisis akan dijalankan ke atas kes-kes undang-undang yang berkaitan dengan kecuaiian Arkitek Profesional dalam pembinaan di Malaysia. Kes-kes ini akan dipilih secara rawak di dalam *Malay Law Journal*. Analisis ini dijalankan untuk mendapatkan jenis-jenis kecuaiian yang sering dilakukan oleh Arkitek Profesional di dalam praktis pembinaan di Malaysia.


Manakala kaji selidik pula dijalankan dengan mengedar soalan soal selidik di kalangan Arkitek terpilih di sektor awam dan swasta. Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada arkitek tersebut mengenai tahap pengetahuan mereka tentang undang-undang tort dalam projek pembinaan.

iii) Analisis data

Rumusan analisis kajian kes tersebut dikumpulkan dan dijadualkan mengikut pembahagian elemen-elemen kecuaiian yang berlaku disebabkan kecuaiian Arkitek Profesional.

Bagi pengumpulan data kaji selidik, hasil maklumbalas soal selidik tersebut dikumpulkan dan data disediakan untuk analisis dengan mengedit, memberi kod dan mengkategorikan data mengikut konsep soalan. Analisis data dilakukan menggunakan perisian komputer SPSS 23.0 (*Statistical Package for Social Science*) untuk menentukan hasil keputusan soal selidik dan membuat perbandingan dengan hipotesis awal.

Aliran metodologi kajian yang meringkaskan perjalanan kerja sepanjang kajian dijalankan ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1. 1 Ringkasan Methodologi Kajian

1.6 Struktur Kandungan Laporan

Laporan projek sarjana ini dibahagi kepada beberapa bab seperti berikut:

- 1) Bab 1 - Pengenalan

Bab ini akan meliputi pengenalan yang akan menekankan mengenai isu-isu berkenaan liabiliti profesional pembinaan (*liability of construction professional*), kesalahan (*tort*), kecuaiian (*negligence*), kecuaiian profesional (*professional negligence*), matlamat dan objektif penyelidikan ini, kenyataan masalah, skop kajian, kaedah kajian dan penerangan ringkas mengenai struktur kajian.

Bab ini membentangkan pengenalan kepada kajian ini berdasarkan aspek pernyataan masalah, matlamat kajian serta objektif-objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini. Aspek-aspek ini menceritakan latar belakang dan asas kajian. Dalam bab ini juga, ringkasan turut dibuat ke atas metodologi kajian dan aliran penulisan kajian bagi memberi gambaran perjalanan kajian ini kepada pembaca dan memudahkan pemahaman terhadap intipati laporan ini.

2) Bab 2 – Tugas, Tanggungjawab dan Liabiliti Arkitek Profesional Dalam Praktis Pembinaan

Bab ini mengandungi hasil kajian literatur mengenai liabiliti-liabiliti yang ada dalam praktis pembinaan. Namun begitu, di bahagian awal bab ini menceritakan mengenai proses-proses sesebuah projek pembinaan dan pihak-pihak yang terlibat. Bermula dari situ, tanggungan atau liabiliti yang wujud di antara pihak Arkitek Profesional dihuraikan.

3) Bab 3 – Kecuaian & Kecuaian Arkitek Profesional

Kajian literatur di dalam bab ini adalah mengkaji mengenai undang-undang tort yang mewujudkan liabiliti kepada pihak-pihak yang berperanan dalam praktis pembinaan dengan menghuraikan definisi kecuaiian, jenis-jenis kecuaiian dan tahap kesedaran golongan Arkitek Profesional mengenai kecuaiian di dalam pembinaan.

4) Bab 4- Pengumpulan Data

Tiga kaedah yang digunakan dalam kajian bagi menyokong metodologi kajian untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Kaedah ini bagi menjalankan kajian terhadap kes-kes perundangan yang melibatkan kecuaiian Arkitek Profesional di dalam Malaysia dan kaji selidik yang dijalankan ke atas sampel rawak yang terdiri daripada arkitek di dalam sektor awam dan swasta yang masih aktif.

5) Bab 5 – Analisis Kes Kecuaian

Bab ini mengandungi analisis terperinci ke atas kes-kes kecuaiian yang melibatkan Arkitek Profesional di dalam praktis pembinaan di Malaysia. Di peringkat ini, aktiviti menganalisis akan dijalankan ke atas kes-kes undang-undang yang berkaitan dengan kecuaiian Arkitek Profesional dalam pembinaan di Malaysia berkaitan dipilih secara daripada *Malay Law Journal*. Analisis kandungan dijalankan untuk mendapatkan fakta kes tentang jenis kecuaiian yang sering dilakukan oleh Arkitek Profesional di dalam praktis pembinaan di Malaysia.

6) Bab 6 – Analisis & Perbincangan

Bab ini mengandungi analisis terperinci ke atas data-data mentah dari kaji selidik. Keputusan analisis juga dibincangkan untuk mencari jawapan kepada kajian yang telah dijalankan dalam aspek tahap pengetahuan dan kesedaran arkitek tentang liabiliti-liabiliti dan kecuaiian arkitek. Bab ini juga mengandungi analisis dalam membezakan tahap pengetahuan dan kefahaman arkitek sebagai Responden yang terdiri daripada pelbagai bidang kerja iaitu Arkitek Rekabentuk, Pengurus Projek, Arkitek Tapak dan lain-lain dengan tempoh pengalaman yang berbeza.

7) Bab 7 – Dapatan, Kesimpulan dan Cadangan

Bab ini merupakan bab terakhir dan merumuskan dapatan kajian yang telah dijalankan. Rumusan dilakukan berdasarkan empat objektif kajian. Bab ini juga memberikan cadangan kepada penyelidik-penyelidik mengenai topik atau isu yang boleh dijadikan bahan kajian pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Aaron Larson, Negligent and Tort Law (October 2003), Accessed on 13 May 2010, http://www.expertlaw.com/library/personal_injury/negligence.html#2
- Abdul Aziz Hussin dan Abdul Rashid Abdul Aziz (2000). "Aspek Undang-undang Tort Dalam Projek Pembinaan." Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Hakim Mohammed (2000). "Penyediaan Tapak dan Struktur Bawah." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1-5.
- Abu Bakar bin Hassan (2010). Criteria in Ascertaining Professional Negligence. Universiti Teknologi Malaysia
- Aizat Fahmi Bin Ahmad (2010). Architect's Design Liability. Universiti Teknologi Malaysia
- Amran Bin Mohd Majid (2009). Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dan Perakuan Siap Kerja (CPC). Public Work Department.
- Architects (Scale of Minimum Fees) Rules 1986. Lembaga Arkitek Malaysia. www.lam.gov.my
- Architects Act 1967 (Act 177) (incorporating amendments up to April 2007) , Lembaga Arkitek Malaysia
- Architects Rules 1996 (incorporating amendments up to December 2005), Lembaga Arkitek Malaysia, www.lam.gov.my
- Arfah Hanum Binti Meor Adam (2009). Architect's Liability in Making Decision During Construction Stage. Universiti Teknologi Malaysia
- Barber, M. P. (1970). "Building & Civil Engineering Contracts & Law." London: The Estates Gazette Limited.
- Beatrix Vohrah and Wu Min Aun (2000). The Commercial Law Of Malaysia, Second Edition, Perason Malaysia Sdn. Bhd)
- Brazier, M. (1988). "Street on Torts (The Law of Torts)." 8th ed. London: Butterworths & Co (Publishers).

- Cavana, R. Y., Delahaye, B. L., and Sekaran, U (2001). "Applied Business Research: Qualitative and Quantitative Methods." 1st ed. Queensland: John Wiley & Sons Australia, Ltd. 239
- David Chappell and Andrew Willis (2000). The Architects in Practice 8th Edition, Blackwell Science Ltd)
- Handbook for The Part III Professional Examination oleh Majlis Peperiksaan Senibina Malaysia (Definisi 'architectural consultancy' Akta Arkitek 1967(Pindaan April 2017).
- Harrison Streeter (1988). Professional Liability of Architect and Engineers, A Wiley interscience publication, by John Wiley & Sons, Inc. page 7 and 8.
- John M. Challis (1977). The architect and engineer and their professional liabilities, RIAI Practise decision - pg 1
- Lewis, J. R. (1976). "Law for the Construction Industry." London: The Macmillan Press Ltd.
- Macrory, R. (1982). "Nuisance." London: Oyez Longman Publishing Limited. 30- 39
- Malaysia Institute of Architects. Who is an Architect. http://www.pam.org.my/architectural_services.asp
- Nasharuddin Majid (2009). Arkitek Punca Cipta <https://arkrab.wordpress.com>
- Nathan, R. K. (1986). "Practical Approach to Assessment of Liability and Damages in Tort." Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd.
- Norshahida Binti Azili (2019). Implication of Liability Transfer Towards Architect In The Issuance Of Certificate Of Completion and Compliance (CCC)In Building Industry. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norchaya Talib (2016). Prinsip-prinsip Asas Tort (Edisi Kedua)
- Shrike,S (2009) 2 MLJ cl xii 2 MLJA 162 : Professional Negligence in the Construction Industry, MLJ Articles)
- Umi Kalsum Bte Zolkafli @ Zulkifli (2007). Termination of Architect' Engagement. Universiti Teknologi Malaysia